

Headline	<b>Keluaraa tabah dugaan bertimpa</b>
Date	<b>31 Oct 2010</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>
Section	<b>Selangor &amp; KL</b>
Journalist	<b>N/A</b>
Frequency	<b>Daily</b>
Circ / Read	<b>60,000 /</b>

Language	<b>Malay</b>
Page No	<b>S13</b>
Article Size	<b>253 cm<sup>2</sup></b>
Color	<b>Full Color</b>
ADValue	<b>1,392</b>
PRValue	<b>4,175</b>



# Keluarga tabah dugaan bertimpa

**KEPONG ULU** – Mungkin ada hikmah di sebaliknya terhadap enam beranak tinggal di Jalan 2, di sini apabila kedua suami isteri disahkan menghidap kanser.

Pesakit barah payudara, Zainab Bakar, 49, diuji apabila suaminya, Kamaruzzaman Nawawi, 48, dimaklumkan menghidap kanser paru-paru dua minggu lalu, manakala ibu mertuanya pula kini tenat kerana sakit tua.

“Mungkin ibu mertua saya tambah terkejut mendengar suami menghidap kanser, tambahan pula selepas saya disahkan menghidap barah payudara dan baru menjalani pembedahan baru-baru ini.

“Manakala tahap kanser suami juga dikhaskan agak serius kerana sudah merebak ke otak. Saya masih berharap dapat sembuh, terutama demi anak-anak,” katanya.

Zainab berkata demikian semasa ditemui pada majlis bacaan Yasin, tahlil dan solat Hajat untuk keluarganya oleh komuniti setempat dan rakan-rakan sekerjanya, di rumah sewanya, di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, semasa majlis itu, Kamaruzzaman tiada di rumah kerana dijemput ahli keluarga pulang ke kampungnya di Pasir Puteh, Kelantan, bagi melawat ibu yang sakit bersama anak keduanya.

Dalam pada itu, menurut Zainab, nasibnya dan suami yang berkhidmat sebagai kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) juga mendapat perhatian majikan dan rakan sekerja yang berkunjung dan menghulurkan sumbangan kebajikan.

“Buat masa ini saya sudah mengambil cuti kira-kira dua tahun. Memandangkan keadaan sekarang, suami juga mungkin terpaksa bercuti bergantung kepada kesihatan kami sama ada boleh bekerja.

“Bagaimanapun pendapatan kami yang hanya bekerja di peringkat rendah ini perlu dijimatkan bagi keperluan rumah dan persekolahan tiga anak,” katanya.

Ketika ditanya berhubung perbelanjaan lain terpaksa ditampung, menurut Zainab, selain sewa ru-

mah, dia juga perlu memperuntukkan perbelanjaan agak besar membeli makanan kesihatan tambahan.

Bagi mengurangkan kesakitan dialami, dia kini mengamalkan makanan kesihatan dengan kos RM230 berbentuk pil, yang bertahan untuk 10 hari.

Difahamkan Zainab menghidap kanser payudara tahap empat dienal pasti Februari lalu dan sudah menjalani kemoterapi, menyebabkannya tidak boleh berjalan lama dan membuat kerja berat.

Anak sulungnya, Syarafina Kamaruzzman, 18, akur dugaan menimpa ibu bapanya pula berkata, dia harus tabah kerana perlu membantu menjaga tiga adik masih bersekolah dan memerlukan perhatian.

“Selepas habis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lalu, saya ada untuk memohon masuk ke kolej. Tetapi dalam keadaan sekarang terpaksa berfikir semula terutama untuk melanjutkan pelajaran atau bekerja,” katanya.

Tiga adik Syarafina ialah Syafiq, 17, Syamir, 13, dan Syakir, 8.

Terdahulu, wakil komuniti, Shah Mohd Darus berkata, inisiatif mengadakan majlis itu bagi memberi sokongan emosi keluarga terbabit, tanpa diminta tuan rumah.

“Kita cuba membantu setakat termampu dengan harapan mereka cepat sembuh. Cuma kita berharap jika ada pihak prihatin dapat menyumbang kepada keluarga ini lebih baik kerana seperti sedia maklum, banyak perbelanjaan perlu mereka gunakan,” katanya.



■ Zainab (dua, kanan) bersama tiga anaknya cekal menjalani kehidupan.